



**LEMBAGA JURUKUR TANAH**  
**SEMENANJUNG MALAYSIA**  
(LAND SURVEYORS BOARD)

LOT 6.11 & 6.12, TINGKAT 6,  
WISMA CENTRAL,  
JALAN AMPANG,  
KUALA LUMPUR 04-07

NOMBOR TELEFON

415671 (Setiausaha)  
487525 (Pejabat Am)

BIL. SURAT TUAN:

BIL. SURAT KAMI: LJT 6 Pt.4/(136)

(SILA CATITKAN BILANGAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

7 Oktober 1986

Semua Jurukur Tanah Berlesen

Tuan,

SURAT PEKELILING LJT 1/1986

Penjelasan Berkenaan Keperluan Projek Praktik Untuk Pendaftaran  
Sebagai Jurukur dengan Lembaga Jurukur Tanah, Semenanjung Malaysia


Berhubung dengan perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa calon-calon yang mengemukakan projek praktik untuk peperiksaan Lembaga hendaklah mengemukakan kerja sebenar yang dilakukan dalam tempoh 'articleship' mereka. Kerja yang direka (simulated) tidak akan diterima oleh Lembaga ini.

2. Salinan asal nota-nota kerjalar, kiraan-kiraan berkaitan dan pelan-pelan yang dilukis dari hasil kerja kemajuan hendaklah dikemukakan. Walaubagaimana pun, jika dokumen-dokumen berkenaan telah dihantar ke Jabatan Ukur dan Pemetaan, salinan-salinan yang diakui sah oleh Pengarah Ukur atau Jurukur Tanah Berlesen berkenaan boleh dikemukakan kepada Lembaga ini untuk peperiksaan.

3. Calon-calon hendaklah dalam tempoh 'articleship' apabila mereka mengemukakan projek-projek praktik mereka untuk peperiksaan.

4. Perlaksanaan perkara di atas akan berkuatkuasa mulai tarikh surat Pekeliling ini.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

  
(HOOI CHEW SUN; KMN)  
Setiausaha  
Lembaga Jurukur Tanah  
Semenanjung Malaysia

- s.k. 1. Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
2. Semua Pengarah Ukur
3. Fail LJT 6B

HCS/ba